

# PRULink Money Market Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	<p>Dana bertujuan mengekalkan nilai modal dan menjana pulangan yang setanding dengan deposit bank jangka pendek. Selain daripada pendedahan risiko yang minimum, Dana juga mengekalkan tahap kecairan yang tinggi dengan melabur terutamanya dalam instrumen pasaran wang jangka pendek dan sekuriti hutang yang berkualiti tinggi serta berisiko rendah. Walaupun Dana bermatlamat mengekalkan nilai prinsipal, kemampuan Dana untuk memenuhi matlamat tersebut adalah tidak dijamin.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p><b>Strategi Pelaburan</b></p> <p>Dana bertujuan mencapai objektif dengan melabur dalam portfolio pasaran wang dan pelaburan jangka pendek yang lain, berkualiti tinggi, dan instrumen hutang. Instrumen hutang terpilih adalah berkualiti tinggi supaya dapat meminimalkan, namun tidak semestinya menghapuskan, risiko penurunan harga unit akibat penyusutan nilai pasaran. Pengurus Dana hendaklah mengkaji semula keperluan dalam mengekalkan tunai atau aset cair yang lain berdasarkan tujuan kecairan.</p> <p>Penarafan kredit minimum instrumen hutang yang akan dilaburkan oleh Dana adalah sekurang- kurangnya bertaraf AAA bagi instrumen jangka panjang atau bertaraf P1 untuk jangka pendek. Sekiranya penilaian diturunkan di bawah penarafan kredit minimum yang ditetapkan, Pengurus Dana akan melupuskan instrumen dalam tempoh masa yang munasabah dengan mengambil kira keadaan dan faktor-faktor pasaran pada ketika itu .</p> <p>Pengurus Dana akan mengguna pakai strategi pelaburan yang aktif dalam menguruskan Dana. Jika dan apabila Pengurus Dana menganggap pasaran, keadaan ekonomi, politik atau lain-lain menjejaskan Dana, Pengurus Dana boleh mengambil kedudukan defensif yang sementara dalam usaha bertindak balas terhadap keadaan semasa serta mempertahankan pulangan pelaburan jangka panjang Dana. Kedudukan defensif sementara ini boleh diambil dalam bentuk pengurangan pendedahan dalam pelaburan yang terjejas disebabkan oleh keadaan yang buruk dan menggantikannya dengan pelaburan yang difikirkan Pengurus Dana dapat memelihara nilai Dana, walaupun tidak semestinya memenuhi keseluruhan objektif Dana, dalam satu tempoh yang Pengurus Dana dapati berpatutan. Kedudukan defensif seperti ini boleh merangkumi tindakan mengekalkan aset cair/wang tunai dan/atau aset bersamaan tunai sehingga tahap maksimum 100%. Apabila ia berlaku, peruntukan aset yang diisytiharkan Dana akan diubah sewajarnya.</p> <p><b>Pendekatan Pelaburan</b></p> <p>Pengurus Dana percaya bahawa gaya pelaburan yang berdisiplin, bernilai dan bermatlamat kredit boleh menjana pulangan yang lumayan. Mereka bertujuan mengeksploitasi peluang daripada kedua-dua peruntukan aset dan peringkat pemilihan sekuriti melalui penyelidikan dalaman dan pengurusan portfolio. Pengurus Dana bermatlamat mencapai tahap konsistensi yang tinggi dalam prestasi jangka panjang semua dana yang diuruskan.</p>
Peruntukan Aset	<p>Dana melabur sehingga 100% Dana NAV dalam dana yang dibenarkan, termasuk instrumen pasaran wang dengan tempoh matang yang tidak melebihi 3 tahun, instrumen hutang dengan tempoh matang yang tidak melebihi 2 tahun, wang tunai atau aset cair yang lain. Pelaburan yang dibenarkan termasuk instrumen pasaran wang, instrumen hutang, dan apa-apa bentuk pelaburan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dari masa ke semasa. Instrumen hutang termasuk bon kerajaan dan korporat; sekuriti jangka pendek seperti Bil Perbendaharaan Malaysia, Nota Monetari Bank Negara dan Nota Cagamas; dan Surat Perdagangan.</p>
Piawaian Prestasi	<p>Maybank 12-month Fixed Deposit rate</p> <p><i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a></i></p>

# PRULink Money Market Fund


Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	0.25% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

# PRULink Money Market Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Money Market Fund	Piawaian Prestasi Maybank 12-month Fixed Deposit rate
2011	0.45% *	0.52% *
2012	3.50%	2.80%
2013	3.55%	2.80%
2014	4.73%	2.91%
2015	4.10%	3.05%
2016	3.59%	3.05%
2017	3.03%	3.05%
2018	3.09%	3.15%

\* Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2018

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

# PRULink Money Market Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### Kemungkinan Menanggung Kerugian

Harga unit Dana dan pendapatan daripada Dana mungkin turun dan mungkin naik disebabkan oleh turun naik harga sekuriti yang melibatkan pelaburan Dana. Kemungkinan terhadap kehilangan kesemua atau sebahagian nilai prinsipal yang dilaburkan itu tidak boleh dikesampingkan. Tiada jaminan dapat diberikan, dinyatakan mahupun tersirat, bahawa pelabur akan menerima apa-apa pengagihan pendapatan atau pulangan ke atas pelaburan mereka, atau bahawa pelabur akan mendapat balik jumlah pelaburan awal sepenuhnya. Pengurus Dana berusaha untuk mengurangkan risiko ini dengan menggunakan proses pelaburan sistematik yang digabungkan dengan proses pengurusan risiko.

### Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin timbul daripada perubahan dalam harga pasaran yang melibatkan pelaburan Dana. Harga sekuriti yang dilaburkan Dana adalah turun naik, akibat bertindak balas kepada pelbagai faktor, sebagai contoh, peristiwa atau berita yang berkaitan dengan sekuriti serta pasaran umum mahupun keadaan ekonomi. Sesebuah Dana dengan portfolio sekuriti yang pelbagai, daripada sektor-sektor yang berbeza membantu mengurangkan risiko ini, supaya keruntuhan mana-mana sektor tidak akan memberi kesan terlalu besar ke atas nilai Dana.

### Risiko Kecairan

Kecairan merujuk kepada kemudahan mencairkan pelaburan tanpa sebarang kerugian, atau kerugian yang minimum dan bergantung kepada jumlah sekuriti yang didagangkan di pasaran. Sesebuah dana yang memegang banyak sekuriti yang tidak cair, atau sukar untuk dilupuskan, akan menjejaskan nilainya apabila berlaku keperluan menjual sekuriti ini pada nilai diskaun atau rugi. Risiko ini dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang sistematik dan kepelbagaian portfolio.

### Risiko Inflasi

Kuasa beli dikurangkan oleh inflasi dan jika kadar inflasi adalah sentiasa lebih tinggi daripada kadar pulangan pelaburan, kadar sebenar pulangan pelaburan anda (iaitu pulangan selepas pelarasan inflasi) boleh menjadi negatif walaupun Dana menunjukkan pulangan yang positif. Oleh itu, pelabur perlu mengambil kira kadar sebenar potensi pulangan sebelum melabur.

### Risiko Ketidapatuhan

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang, kaedah, peraturan, dan amalan yang telah ditetapkan, serta dasar dan prosedur dalaman oleh Pengurus Dana. Risiko ini juga boleh berlaku secara tidak langsung dengan penerapan dan/atau pindaan terhadap rangka kerja pengawalseliaan, undang-undang, peraturan, dan amalan lain yang telah ditetapkan yang berkaitan dengan Dana. Pengurus Dana telah menyediakan kawalan dalaman bagi memastikan pengawalseliaan pematuhan yang komprehensif dan menepati waktu dilaksanakan.

### Risiko Syarikat Pengurusan

Risiko ini adalah risiko apabila syarikat pengurusan mungkin tidak mematuhi mandat pelaburan Dana. Risiko ini dikurangkan oleh sesebuah syarikat pengurusan seperti berikut:

- Dipantau oleh jawatankuasa pelaburan;
- Mematuhi dasar dan prosedur dalaman ke atas had dan sekatan pelaburan; dan
- Laporan berkala kepada pasukan pengurusan kanan.

Prestasi mana-mana dana adalah bergantung kepada pengalaman, pengetahuan dan kepakaran Pengurus Dana. Apa-apa kesilapan dalam teknik pelaburan dan proses yang diguna pakai oleh Pengurus Dana boleh memberi kesan buruk kepada prestasi Dana. Pengurus Dana bermatlamat untuk mengurangkan risiko ini dengan melaksanakan proses pelaburan yang konsisten dan berstruktur, prosedur operasi yang sistematik dan bersekali dengan pengawalan dalaman yang ketat.

### Risiko Operasi

Prestasi pelaburan Dana ini bergantung kepada kelicinan fungsi kedua-dua sistem dan proses dalaman dan luaran. Kejadian gangguan pasaran atau sistem yang tergendala juga boleh memberi kesan ke atas proses yang berkaitan apabila terdapat gangguan dalam aliran maklumat yang diperlukan ketika membuat satu-satu keputusan yang wajar dalam menguruskan Dana. Gangguan-gangguan tersebut boleh memberi kesan kepada prestasi dan penjelasan dagangan Dana dan turut boleh menjejaskan transaksi pelabur dengan Dana. Pengurus Dana telah menyediakan kawalan dalaman untuk mengurus beberapa gangguan ini seperti pelan kesinambungan perniagaan. Walau

# PRULink Money Market Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

bagaimanapun, pelabur patut mengambil perhatian bahawa tidak semua keadaan boleh dikawal mahupun dapat dijangkakan

## **Risiko Kredit / Mungkir**

Risiko ini merujuk kepada keupayaan penerbit untuk membuat bayaran kupon dan prinsipal tepat pada masanya. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap adalah tertakluk kepada perubahan buruk dalam keadaan kewangan penerbit dan keadaan ekonomi umum. Perubahan ini boleh menurunkan kualiti kredit seterusnya mengurangkan atau menghapuskan kemampuan penerbit untuk membuat bayaran faedah dan bayaran balik prinsipal. Sekiranya penerbit mungkir dalam pembayaran kupon atau prinsipal, nilai Dana akan terjejas teruk.

Sekuriti pendapatan tetap berkualiti tinggi mempunyai risiko yang lebih rendah berbanding risiko kredit. Risiko kredit penerbit itu diuruskan oleh Pengurus Dana dengan melakukan penyelidikan dan analisis kredit secara mendasar dalam menentukan keupayaan kredit penerbit. Di samping itu, Dana menerima pakai keperluan penarafan kredit minimum, sama ada oleh agensi penarafan tempatan dan / atau asing.

## **Risiko Kadar Faedah**

Nilai sekuriti pendapatan tetap/bon boleh beredar secara songsang dengan pergerakan kadar faedah. Oleh itu, harga sekuriti pendapatan tetap/bon boleh jatuh apabila kadar faedah meningkat dan sebaliknya. Sekiranya Dana memegang bon sehingga matang, turun naik harga itu akan dikurangkan apabila bon mencapai tempoh matang. Untuk mengurangkan kesan pergerakan kadar faedah, Pengurus Dana akan menguruskan tempoh portfolio dengan mempelbagaikan tempoh pegangan pelaburan bon Dana berdasarkan pertimbangan Pengurus Dana terhadap trend kadar faedah masa depan.

*Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.*

## **Pengurusan Risiko**

Semua pelaburan mempunyai unsur risiko yang boleh mengakibatkan kerugian akibat ketidaktentuan sekuriti yang terjejas oleh aktiviti syarikat-syarikat secara persendirian serta pasaran umum dan keadaan ekonomi. Pengurus Dana sentiasa memantau keadaan pasaran dan ekonomi serta penilaian dana yang berterusan dalam menguruskan risiko.

Berhubung dengan parameter pelaburan, sekatan dan had, Jabatan Undang-undang dan Pematuhan Pengurus Dana menyelia hal pematuhan secara keseluruhan, yang membantu dalam mengurangkan risiko ketidakpatuhan, yang boleh mengakibatkan kehilangan reputasi dan berkemungkinan mengehendkan peluang perniagaan di masa hadapan

Unit audit dalaman Kumpulan Prudential menjalankan semua fungsi audit dalaman dan laporan kepada Jawatankuasa Audit dan Pematuhan . Anda harus bergantung kepada penilaian anda sendiri dalam menilai merit dan risiko pelaburan. Anda perlu membaca dan memahami isi kandungan lembaran fakta dana ini dan, jika perlu, berunding dengan penasihat anda sebelum membuat satu-satu keputusan pelaburan.

# PRULink Money Market Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<p>Pelabur yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• mahukan dana yang berisiko rendah.</li><li>• mempunyai toleransi risiko yang rendah.</li><li>• mengamalkan tempoh pelaburan jangka pendek.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi dana <b>PRULink</b> tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRULink</b> selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Tarikh Penilaian ialah tarikh yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan Harga Unit.</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat juga berhak untuk menangguhkan penukaran dana-dana <b>PRULink</b> dan bayaran untuk apa-apa Pembayaran, Pengeluaran Separa Fleksibel dan/atau Penyerahan Polisi bagi tempoh yang tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh yang padanya penukaran atau bayaran akan berlaku dalam keadaan-keadaan biasa.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusan polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana <b>PRULink</b>. Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</li></ul>